

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Sunday, October 20, 2019 7:59 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Ikhlas Dan Integriti Tinggi Tunai Tanggungjawab



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

20 OKTOBER 2019 / 21 SAFAR 1441H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

IKHLAS DAN INTEGRITI TINGGI TUNAI TANGGUNGJAWAB



UUM ONLINE: Berpegang pada prinsip ikhlas dan berintegriti tinggi telah menjadikan Pengarah KPJ Healthcare Berhad, Tan Sri Siti Sa'diah Sheikh Bakir sebagai seorang ahli korporat yang disegani.

Beliau berkata, untuk menjadi ahli korporat yang berjaya bukanlah satu kebetulan, sebaliknya memerlukan usaha yang gigih dan keperibadian yang positif perlu ada dalam diri seseorang yang ingin berjaya dalam sektor korporat.

Menurutnya, pengurusan dalam bidang korporat sudah menjadi minatnya sehingga kini dan perjalanan beliau membangunkan KPJ Healthcare sememangnya penuh dengan pelbagai cabaran serta pengalaman pahit dan manis.

“Sebagai seorang ketua, saya amat menitikberatkan perkhidmatan kepada pesakit dan keluarga, justeru saya sentiasa mendidik pekerja agar ikhlas serta mempunyai integriti tinggi semasa menjalankan tanggungjawab dan menganggapnya sebagai satu ibadah.

“Prinsip itulah yang saya ketengahkan dalam pengurusan saya termasuk mementingkan disiplin tidak kira sama ada di rumah atau di tempat kerja. Apa yang diterapkan di rumah dengan anak-anak perkara yang sama saya terapkan dengan pekerja terutama dari segi pengurusan masa,” katanya pada Majlis Konvokesyen Ke-32 UUM di Dewan Mu’adzam Shah, semalam.

Tan Sri Siti Sa’diah juga mengingatkan graduan agar mengambil peluang untuk terus memajukan diri dengan menambah ilmu dan beriltizam untuk membangunkan diri, keluarga dan negara.

Beliau merupakan penerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pengurusan Korporat) yang disampaikan Canselor, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Kedah pada sesi pertama.

Turut menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Perniagaan Antarabangsa) ialah Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Tan Chong Motor Holdings Berhad, Dato’ Khor Swee Wah @ Koh Bee Leng.

Dalam ucapan beliau berkata, menerima pengiktirafan tertinggi itu telah menyebabkan beliau terkenang pada masa lalu dan menghargai setiap perkara yang telah dilalui.

Menurutnya, beliau bertuah kerana diberikan banyak peluang ketika masih muda daripada ibu bapa yang mengajar tentang sikap rendah diri, integriti, kerja keras dan saling menghormati.

“Sepanjang perjalanan karier, semangat dan keazaman untuk bertahan dalam dunia perniagaan ini telah memberi impak besar dalam hidup saya.

“Pemikiran 24/7 juga memainkan peranan penting kerana walaupun ketika sedang tidur, kita secara sedar mesti akan berfikir tentang strategi untuk menjadi seorang yang berwawasan, justeru bekerjalah sehingga diri sudah tidak mampu untuk bekerja dan menyumbang kepada masyarakat sebanyak mungkin,” katanya.

Pada Majlis Konvokesyen Ke-32 itu, UUM turut turut menganugerahkan gelaran Profesor Emeritus kepada Penolong Naib Canselor (Keusahawanan & Kelestarian Kewangan), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Prof. Dato’ Wira Dr. Mohd. Salleh Din dan Dekan Sekolah Perniagaan dan Sains Sosial (SBSS), AIBukhary International University (AIU), Prof. Dato’ Dr Jamalludin Sulaiman.



Please consider the environment before printing this e-mail



Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.